

Cameron Highlands berdepan hakisan, bencana alam serius

Oleh **SITI NORHAWA MOHD. ALI**

pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 26 Mei - Cameron Highlands bakal berdepan bencana alam serius jika hakisan tanah terus berlaku akibat aktiviti penerokaan hutan secara haram yang semakin mem-bimbangkan.

Ketua Kluster Sumber Asli dan Alam Sekitar, Majlis Profesor Negara (MPN), Prof. Emeritus Datuk Dr. Ibrahim Komoo, aktiviti haram itu boleh mengancam keadaan geologi tanah dan menyebabkan kadar hakisan ratusan hingga ribuan kali ganda daripada biasa seperti yang sedang berlaku di Cameron Highlands.

Jelasnya, sebab itulah hutan di kawasan gunung atau tebing curam khususnya berhampiran alur sungai tidak boleh ditebang.

“Kawasan Cameron Highlands mempunyai tanah luluhawa granit yang sangat sensitif terhadap pembangunan dan penerokaan dan berisiko menyebabkan perledakan, aliran debris dan hakisan tebing sungai.

“Pembangunan dan penerokaan di kawasan tanah tinggi di rantau tropika lembap perlu


mempunyai peraturan jelas, sudah masanya kepemimpinan tertinggi masuk campur dalam perkara ini,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Semalam, Ahli Majlis Per-satuan Pencinta Alam Malaysia (MNS) negeri Pahang, Noor Jehan Abu Bakar mendedahkan bahawa pulangan lumayan dalam industri pertanian dan denda yang mampu dibayar dikatakan antara punca utama peneroka haram tidak serik melakukan perkara tersebut.

Tambah Ibrahim, pindaan undang-undang perlu dilaksanakan jika kerajaan mahu menyelamatkan Cameron Highlands daripada terus menjadi mangsa kerakusan peneroka haram untuk mengaut keuntungan.

“Penerokaan kawasan tanah tinggi yang sedang dalam keadaan ‘nazak’ itu tidak sepatutnya berulang jika peneroka takutkan undang-undang sedia ada.

“Kerajaan perlu menyediakan akta lebih ketat supaya pembangunan dan penerokaan kawasan sensitif alam sekitar, terutamanya di kawasan pergunungan, lembangan takungan dan bekalan air untuk negara dapat dikawal,” katanya.



IBRAHIM KOMOO